

27/05/2004

Ku Li anggap keputusan MT tidak halang hak cawangan

KUALA LUMPUR: Keputusan Majlis Tertinggi (MT) supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti tidak dipertandingkan tidak menghilangkan hak cawangan dan bahagian untuk membuat pencalonan sendiri.

Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata Umno pada peringkat bahagian masih berhak mencalonkan sesiapa yang difikir layak menduduki kedua-dua kerusi itu kerana ia dibenarkan perlembagaan parti.

Malah, katanya, soal sama ada dua jawatan utama dalam Umno itu perlu ditandingi atau sebaliknya tidak berbangkit kerana belum ada gambar-gembur mengenainya pada peringkat bahagian.

"Setakat ini, belum ada mana-mana pihak mengadakan mesyuarat, baik pada peringkat cawangan atau bahagian tetapi MT sudah menyatakan ketetapanannya. MT memang berkuasa dan berhak membuat keputusan tetapi hak akar umbi di peringkat cawangan dan bahagian tetap terjamin.

"Bagi saya, Umno peringkat bahagian kena bertindak mengikut semangat perlembagaan parti kerana MT tidak berhak membuat pencalonan. Yang berhak ialah bahagian," katanya ketika ditemui di kediamannya di sini, petang semalam.

Akhbar semalam melaporkan, MT Umno bersetuju sebulat suara agar jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti tidak ditandingi pada pemilihan pucuk pimpinan parti, September ini.

Dengan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang kini memangku jawatan Presiden dan Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas Timbalan Presiden parti, Datuk Seri Najib Razak, akan menang tanpa bertanding.

Tengku Razaleigh berkata, kerusi Presiden Umno kini masih kosong selepas Tun Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno, Oktober tahun lalu.

Katanya, Abdullah hanya menjalankan tugas Presiden Umno kerana perlembagaan parti tidak menetapkan peruntukan jawatan pemangku Presiden.

"Masalahnya sekarang, siapa yang akan menempatkan mana-mana individu di situ. Semuanya mesti datang daripada pencalonan bahagian. Kita kena menghormati kehendak ahli parti pada peringkat akar umbi.

"Paling penting, kita perlu mematuhi perlembagaan Umno kerana ia diluluskan oleh perhimpunan agung," katanya.

Ditanya sama ada keputusan MT itu akan membuatkan peringkat bahagian takut untuk membuat cadangan yang dianggap bertentangan dengan kehendak MT, Tengku Razaleigh yang juga ahli MT berkata, kemungkinan itu tidak boleh diketepikan.

(END)